

Pendidikan & Latihan



1,200 sertai konvo AeU

Lebih daripada 1,200 graduan dari serata dunia menyertai Majlis Konvokesyen Asia e University (AeU), kali ke-4, yang membabitkan kira-kira 300 graduan antarabangsa dari Indonesia, Sri Lanka, Vietnam, Namibia dan beberapa negara Kerjasama Dialog Asia (ACD) yang lain.

Pada majlis ini juga, turut bergelar graduan Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat dan Komunikasi (Kepujian) adalah 47 pelajar dari Indonesia.

Mereka terdiri daripada dua kumpulan pelajar yang mengikuti program ini sejak 2009 dan 2010 yang dijalankan hasil kerjasama antara AeU dan Politeknik Negeri Jakarta (PNJ).

Pelajar AeU boleh memilih untuk memasuki program Sarjana Muda Teknologi Maklumat dan Komunikasi



YUNANDHA

(Kepujian) ini sepenuh masa atau sambilan.

Bagi pelajar yang belajar secara sambilan melalui mod pembelajaran secara jarak jauh, mereka akan dibantu melalui portal pendidikan yang dibangunkan oleh AeU iaitu Personalised Learning Space (myPLS).

Menerusi myPLS, pelbagai sumber pembelajaran se-

perti modul berasaskan laman web dan bahan kursus multimedia dapat diakses serta dimuat turun oleh pelajar pada bila-bila masa.

Bagi mod pengajian secara sepenuh masa pula, sesi pembelajaran dilakukan secara bersemuka di dalam kelas sama ada di dalam kampus induk AeU di Kuala Lumpur atau di mana-mana lokasi pembelajaran AeU di seluruh negara.

Alumni program ini yang khusus dalam bidang Pengkomputeran Multimedia, Yunandha Indrakusumah, contohnya, berjaya diterima bekerja sebagai Pemodel 3D di Les' Copaque Production Sdn Bhd yang mencipta animasi Upin & Ipin.

Maklumat lanjut AeU dan programnya, hubungi 1-300-300-238, atau memohon secara atas talian di www.aeu.edu.my.